

Usia bukan penghalang

Serdang: Usia muda bukan penghalang kepada Ahmad Firdaus Khalid, 22, untuk bersaing bersama 23 peserta lebih berpengalaman bagi menamatkan pengajian dalam program SME@Universiti Putra Malaysia (UPM).

Firdaus yang bergelar Ketua Pegawai Eksekutif di syarikat miliknya, Masdar Safi Sdn Bhd iaitu syarikat makanan berasaskan beras berkata, meskipun peserta termuda, ia tidak pernah mematahkan semangatnya untuk setanding dengan rakan lebih senior dalam bidang perniagaan.

"Saya minat berniaga sejak kecil. Pada usia 15 tahun, saya berniaga sistem audio bersama rakan sebelum bertukar ke perniagaan jualan langsung (MLM).

"Ketika memasuki program ini, ramai meragui dan tidak percaya kemampuan saya. Ba-

gaimanapun, saya anggap itu sebagai cabaran dan Alhamdulillah, saya berjaya buktikan apabila memenangi anugerah khas iaitu Best Booth 2013," katanya ketika ditemui pada majlis konvokesyen mini di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UPM, semalam.

Program SME@UPM bertujuan memberi peluang kepada Ketua Pegawai Eksekutif daripada syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mendapatkan pembelajaran berstruktur bagi membolehkan mereka mencapai inovasi, daya saing serta prestasi perniagaan lebih tinggi.

"Selama tiga bulan, kami di-dedahkan dengan pelbagai ilmu berguna dalam bidang perniagaan. Saya harap selepas menghadiri program ini, ia akan memberi input berguna untuk diamalkan dalam perniagaan," katanya.

FAKTA
Ahmad Firdaus
memenangi
anugerah khas iaitu
Best Booth 2013

